

KAJIAN TINJAUAN: PELAKSANAAN PROGRAM j-QAF DI SEKOLAH RENDAH

Zaradi Sudin, Jainudin Ngah, Norlela Ali & Firdaus Abdul Fatah
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat pelaksanaan program j-QAF yang dijalankan di sekolah-sekolah rendah yang menempatkan pelajar KPLI j-QAFambilan Januari 2012 IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Sampel terdiri daripada 52 orang pelajar KPLI j-QAFambilan Januari 2012 dari IPG Kampus Ilmu Khas yang ditempatkan menjalani Latihan Berasaskan Sekolah di 52 buah sekolah di sekitar Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Perak, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Kajian adalah kajian diskriptif yang menggunakan instrumen soal selidik yang bertujuan untuk melihat status pelaksanaan program j-QAF di sekolah-sekolah yang diajar oleh pelajar KPLI j-QAFambilan Januari 2012. Hasil kajian mendapati pelaksanaan program j-QAF di sekolah-sekolah rendah berkenaan adalah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia. Namun begitu dari aspek kolaborasi antara Guru j-QAF dengan bukan guru j-QAF dalam pelaksanaan Kelas Tasmik dan Kem Bestari Solat masih ditahap rendah, begitu juga dengan penglibatan guru dalam program inovasi, pelaksanaan Kem latih tubi Bahasa Arab dan penubuhan Kelab Jawi, masih ditahap rendah. Jabatan pelajaran negeri dan pejabat pelajaran daerah diharap dapat membuat pemantauan bagi memastikan semua arahan yang dikeluarkan Kementerian Pelajaran berkenaan pelaksanaan j-QAF di sekolah dilaksanakan, manakala pihak sekolah disarankan merujuk dan melaksanakan arahan-arahan berkaitan pelaksanaan j-QAF supaya program ini berjalan lancar dan mematuhi standard yang ditetapkan. Guru-guru j-QAF juga diharap dapat bergiat aktif terutama dalam melaksanakan aktiviti kecemerlangan j-QAF khususnya program inovasi, Kem latih tubi Bahasa Arab dan program kecemerlangan selepas UPSR.